

STRATEGI PEMBELAJARAN KOSA KATA DAN PENGUASAAN PENGETAHUAN KOSA KATA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR STAM (Vocabulary Learning Strategies and Mastering of Arabic Vocabulary Knowledge Among Students of Sijil Tinggi Agama Menengah [STAM])

*Nur Naimah Akmar Kamaruddin¹, Harun Baharudin¹

¹Faculty of Education
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: naimahakmar@gmail.com

Article History:

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 1 (2017), 64-73

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneroka hubungan antara strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab. Sampel kajian melibatkan 260 orang pelajar Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) di SABK di negeri Selangor. Kajian ini adalah satu kajian korelasi yang bersifat deskriptif. Dua instrumen digunakan iaitu 1) soal selidik Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab dan 2) ujian tahap pengetahuan kosa kata Arab. Soal selidik telah diadaptasi berdasarkan soal selidik strategi pembelajaran kosa kata al-Shuwairekh (2001). Soal selidik ini mengandungi 77 soalan yang meliputi tujuh strategi utama SPK iaitu strategi bukan kamus, strategi kamus, strategi mengambil nota, strategi hafalan, strategi praktis, strategi meta kognitif dan strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata. Bagi mengukur pengetahuan kosa kata Arab, sebanyak 40 sampel perkataan diambil daripada ujian Test of Arabic Vocabulary (TAV) (Harun, 2014) dengan menggunakan format Vocabulary Knowledge Scale (VKS) (Paribakht & Wesche, 1993). Kedua-dua instrumen ini telah melepasi proses kesahan dan kebolehppercayaan. Penganalisan data kajian menggunakan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan utama kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dengan pengetahuan kosa kata Arab secara keseluruhan.

Kata kunci: Strategi Pembelajaran Kosa Kata (SPK), Pengetahuan Kosa Kata, Bahasa Arab.

Abstract

This study was conducted to investigate the relationship of Vocabulary Learning Strategy (VLS) with vocabulary knowledge. The sample consisted of 260 students of Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) in different SABK in Selangor. The study used correlation method with descriptive approach. Two instruments were used; 1) questionnaire on Arabic Vocabulary Learning Strategies and 2) test on Arabic vocabulary knowledge. The questionnaire was adapted based on questionnaire vocabulary learning strategies al-Shuwairekh (2001). The questionnaire consisted of 77 questions of seven categories of vocabulary learning, namely non-dictionary strategies for discovering the meanings of new words, dictionary use, note taking, memorization, practice, metacognitive strategies and expanding lexical knowledge. As for Arabic vocabulary knowledge, 40 samples taken from the test word of Arabic Vocabulary Test (TAV) (Harun, 2014) using Vocabulary Knowledge Scale (VKS) (Paribakht & Wesche, 1993). Both of these instruments have surpassed the validity and reliability. The survey was analysed using two types of statistics – descriptive and inferential statistics. The findings showed a significant correlation between the application of VLS and knowledge of Arabic vocabulary.

Keywords: Vocabulary Learning Strategy (VLS), Vocabulary Knowledge, Arabic.

1.0 PENDAHULUAN

Kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata (SPK) melibatkan penerokaan terhadap usaha-usaha individu untuk memahami proses pembelajaran kosa kata (Barcroft, 2009; Tseng & Schmitt, 2008). Walaupun SPK merupakan substrategi di bawah strategi pembelajaran bahasa (SPB), namun penggunaan SPK dilihat lebih menyerlah berbanding SPB dalam pembelajaran bahasa (Schmitt, 1997). Kajian SPK bertujuan untuk menilai keberkesanan strategi yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran kosa kata sekaligus membentuk pelajar yang berautonomi, berdikari dan mampu mengawal pembelajaran secara

kendiri. Hasilnya, pelajar yang menggunakan SPK dalam pembelajaran kosa kata mempunyai pencapaian yang tinggi dalam pembelajaran bahasa (Gu, 2005; Macaro, 2005).

Penyelidikan SPK telah berkembang pesat di dunia yang melibatkan penerokaan bahasa-bahasa utama seperti bahasa Inggeris (Schmitt, 1997 & Nation, 2001 & Takac, 2008), bahasa China (Lan, 2005 & Lai, 2005) dan bahasa Jepun (Mizumoto & Takeuchi, 2008). Fokus kajian SPK yang telah dijalankan hanya bertumpu kepada pembinaan senarai kosa kata, penggunaan SPK bahasa Arab secara umum dan hubungannya dengan aspek saiz kosa kata (Abdul Rahman, 1994; Arsal, 1995; Che Radiah, 2009; Zahriah, 2011 dan Harun, 2014). Namun begitu, kajian berkaitan hubungan SPK dengan aspek pengetahuan kosa kata secara umumnya masih belum meluas dijalankan (Lowe, 2009; Su, 2005). Hal ini disebabkan aspek pengetahuan kosa kata merupakan suatu proses yang kompleks (Harring & Montecillo, 2012, Kieffer & Montecillo 2012) berbanding aspek saiz kosa kata.

1.1 Klasifikasi Strategi Pembelajaran Kosa Kata

Terdapat pelbagai klasifikasi SPK yang dikemukakan oleh beberapa orang penyelidik seperti Schmitt (1997), Nation (2001) dan Takac (2008) dalam pembelajaran kosa kata. Klasifikasi SPK yang dikemukakan oleh al-Shuwairekh (2001) merupakan penyelidikan terawal berkaitan penggunaan SPK bahasa Arab. Sistem klasifikasi ini memberi sumbangan yang penting dalam penyelidikan SPK bahasa Arab yang masih berada di peringkat permulaan. Ia merangkumi strategi yang digunakan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, penggunaan SPK dan hubungannya dengan kejayaan pelajar dan faktor-faktor individu dan persekitaran terhadap penggunaan SPK.

Secara umumnya, terdapat tujuh strategi utama SPK al-Shuwairekh (2001) iaitu 1) strategi bukan kamus, 2) strategi penggunaan kamus, 3) strategi mengambil nota, 4) strategi hafalan, 5) strategi praktis, 6) strategi meta kognitif dan 7) strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata. Ketujuh-tujuh strategi SPK beliau dilihat meliputi pelbagai aspek pembelajaran kosa kata secara menyeluruh serta menganalisis pemerolehan kosa kata daripada peringkat pertama ketika menemui leksikal baharu sehingga kepada kecekapan menggunakannya. Kajian ini mengadaptasi klasifikasi SPK al-Shuwairekh untuk mengenalpasti penggunaan SPK bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

1.2 Pengetahuan kosa kata Arab

Pengetahuan kosa kata merujuk kepada kualiti atau tahap penguasaan kedalaman sesebuah kata (Meara, 1996; Read, 1993, 2000) serta sejauh mana individu mengetahui perkataan tersebut (Nurweni & Read, 1999). Tambah Qian (2002), kedalaman sesebuah kata menunjukkan kualiti individu untuk memahami maksud perkataan dengan lebih mendalam. Pengaplikasian pengetahuan kosa kata bukan hanya dengan memahami makna tunggalnya sahaja, tetapi juga mengetahui pembinaan sesuatu perkataan dari aspek ejaan, morfologi, sintaxis dan gaya bahasa perkataan tersebut (Haastrup & Henriksen, 2000; Meara, 1996; Nation, 1990; Richards, 1976).

Menurut Fan (200), aspek pengetahuan kosa kata penting dalam memahami sesuatu perkataan serta berupaya untuk menggunakan perkataan tersebut secara automatik untuk tujuan produktif. Kajian berkaitan aspek pengetahuan kosa kata telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa di Barat (Wesche & Paribakht, 1996; Verhallen & Schoonen, 1993, 1998; Read, 1998; Vermeer, 2001; Ordóñez, Carlo, Snow, & McLaughlin, 2002; Nassaji, 2004; Qian & Schedl, 2004). Namun, kebanyakan pengkaji mendapati aspek ini sukar dikuasai secara menyeluruh dari segi bentuk, makna, tujuan dan fungsi perkataan berdasarkan kata reseptif dan produktif (Schmitt, 2000; Nation, 2001; Schmitt, 2014).

Menurut al-Shuwairekh (2001), pengetahuan berkaitan kata dasar, sistem morfologi dan sistem baris perkataan dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam menguasai kosa kata Arab. Manakala Kamarulzaman (2010) pula menyatakan lima komponen penting yang perlu dikuasai bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap buku teks bahasa Arab ialah aspek penggunaan perkataan, proses pengecaman, makna perkataan, proses binaan kata dan sistem pembentukan perkataan. Kesemua aspek yang dinyatakan oleh kedua-dua pengkaji bertepatan dengan strategi pembelajaran kosa kata Cohen (1990); Gu & Johnson (1996); Schmit (1997); Nation (2001) dan Takac (2008).

Kajian mendapati pelajar yang mempelajari bahasa kedua mengalami masalah untuk menguasai keseluruhan aspek pengetahuan kosa kata kerana kesukaran menggunakan sesuatu perkataan dengan baik (Golkar & Yumani, 2007). Penguasaan aspek pengetahuan kosa kata yang terhad akan membataskan keupayaan mereka dalam menguasai kemahiran berbahasa (Ashinida, 2012 & Ghazali, 2013). Sebaliknya, pelajar yang mempunyai kedalaman pengetahuan kosa kata yang tinggi akan mempunyai kecekapan yang tinggi dalam bahasa (Gu & Johnson, 1997). Penguasaan pengetahuan kosa kata yang mantap akan

mendorong pelajar dalam menggunakan pelbagai strategi pembelajaran yang berkesan berbanding pelajar yang lemah (Read, 1993).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneroka hubungan Strategi Pembelajaran Kosakata (SPK) dengan penguasaan aspek pengetahuan kosakata Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor. Objektif kajian pula adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti tahap penggunaan SPK dalam mempelajari kosakata Arab.
- b) Menentukan tahap penguasaan aspek pengetahuan kosakata Arab dalam kalangan pelajar.
- c) Mengenalpasti hubungan antara penggunaan SPK dengan penguasaan aspek pengetahuan kosakata Arab dalam kalangan pelajar.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan set soal selidik Strategi Pembelajaran Kosakata Arab. Soal selidik ini dimodifikasi berasaskan set soal selidik strategi pembelajaran kosakata al-Shuwairekh (2001) berdasarkan soal selidik SPK Schmitt (1997) dan strategi pembelajaran O'Malley dan Chamot (1990). Soal selidik ini mengandungi 77 soalan yang merangkumi tujuh strategi utama SPK iaitu strategi bukan kamus, strategi penggunaan kamus, strategi mengambil nota, strategi hafalan, strategi praktis, strategi meta kognitif dan strategi mengembangkan pengetahuan kosakata.

Bagi mengukur pengetahuan kosakata pula, sebanyak 40 sampel perkataan diambil daripada ujian *Test of Arabic Vocabulary (TAV)* (Harun, 2014) dengan menggunakan format *Vocabulary Knowledge Scale (VKS)* (Paribakht & Wesche, 1993). Pelajar dikehendaki menjawab makna perkataan bahasa Arab dengan menggunakan skala berdasarkan konteks ungkapan dalam bentuk frasa, ayat dan petikan ayat al-Quran. Terdapat lima peringkat skala untuk mengetahui pengetahuan pelajar terhadap set kata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Skala Pengetahuan Kosakata

No	Skala
1	Saya tidak pernah melihat perkataan ini.
2	Saya pernah melihat perkataan sebelum ini tetapi tidak tahu maknanya.
3	Saya pernah melihat perkataan ini sebelum ini dan saya teka maknanya ialah
4	Saya tahu perkataan ini. Perkataan ini bermakna.....
5	Saya boleh menggunakan perkataan ini dalam ayat.

Kajian ini melibatkan pelajar Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) di beberapa buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor. Kesemua sekolah ini dibahagikan kepada empat zon, iaitu barat, timur, utara dan selatan. Seramai 260 orang pelajar terlibat dengan menggunakan teknik persampelan berstrata berdasarkan pecahan zon dan jantina seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2 Sampel Kajian Mengikut Zon dan Jantina

Zon	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Zon Barat	26	42	68
Zon Timur	24	41	65
Zon Utara	15	47	62
Zon Selatan	26	39	65
Jumlah	260		

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar di salah sebuah SABK di Selangor yang mempunyai latar belakang pendidikan yang sama dengan sampel kajian yang sebenar. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan kaedah *alpha Cronbach* untuk mengukur kebolehpercayaan soalan soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata. Secara keseluruhannya, soal selidik SPK mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi mengukur SPK bahasa Arab. Nilai *alpha Cronbach* keseluruhan item SPK (77 item) ialah .973 dengan julat indeks .81 hingga .93. Manakala nilai kebolehpercayaan *alpha Cronbach* bagi setiap konstruk pula ditunjukkan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Alpha Cronbach	Bilangan Item
Bukan Kamus	0.838	12
Kamus	0.811	14
Mengambil Nota	0.870	13
Hafalan	0.923	15
Praktis	0.838	7
Meta Kognitif	0.893	7
Mengembangkan Pengetahuan Kosa Kata	0.896	9
Keseluruhan SPK	0.973	77

4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada tiga dapatan utama iaitu a) tahap penggunaan SPK bahasa Arab, b) tahap penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab, c) hubungan antara penggunaan SPK dengan aspek pengetahuan kosa kata Arab.

Berdasarkan dapatan kajian, tahap penggunaan SPK dalam kalangan pelajar STAM secara keseluruhan adalah sederhana tinggi dengan nilai min 3.13 dan sisihan piawai 0.17. Nilai interpretasi skor min tahap penggunaan SPK adalah berdasarkan kriteria penilaian yang dikemukakan Nunally (1987) iaitu 1.00 – 2.00 (rendah), 2.01 – 3.00 (sederhana rendah), 3.01 – 4.00 (sederhana tinggi) dan 4.01 – 5.00 (tinggi). Lima item SPK (6%) dilaporkan berada pada interpretasi tinggi, 42 item (55%) berada pada interpretasi sederhana tinggi, 28 item (36%) berada pada interpretasi sederhana rendah manakala dua item (3%) pula berada pada interpretasi rendah daripada keseluruhan item. Min keseluruhan item pula didapati berada antara nilai 1.89 sehingga 4.48.

Jadual 4 Nilai Min dan Sisihan Piawai Penggunaan SPK (n=260)

Strategi	Min	SP	Interpretasi
Strategi Hafalan	3.40	0.29	Sederhana Tinggi
Strategi Bukan Kamus	3.38	0.28	Sederhana Tinggi
Strategi Kamus	3.31	0.29	Sederhana Tinggi
Strategi Praktis	3.23	0.33	Sederhana Tinggi
Strategi Meta kognitif	3.02	0.33	Sederhana Tinggi
Strategi Mengembangkan Pengetahuan kosa kata	2.92	0.37	Sederhana Rendah
Strategi Mengambil Nota	2.65	0.33	Sederhana Rendah
Keseluruhan	3.13	0.17	Sederhana Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, strategi hafalan mendapat nilai skor min tertinggi ($M = 3.40$, $SP = 0.29$) diikuti strategi bukan kamus ($M = 3.38$, 0.28), strategi kamus ($M = 3.31$, $SP = 0.29$), strategi praktis ($M = 3.23$, $SP = 0.33$), strategi meta kognitif ($M = 3.02$, $SP = 0.33$), strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata ($M = 2.92$, $SP = 0.37$) dan strategi mengambil nota ($M = 2.65$, $SP = 0.33$).

Jadual 5 menunjukkan analisis kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi perkataan bagi 40 item kosa kata bahasa Arab. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab dalam kalangan pelajar adalah sederhana tinggi dengan nilai min keseluruhan item 3.35 dan sisihan piawai 0.28. Terdapat sebanyak 12 item (30%) menunjukkan tahap interpretasi tinggi diikuti sembilan item (22%) berada pada interpretasi sederhana tinggi, 19 item (48%) berada pada interpretasi sederhana rendah. Min keseluruhan item pula didapati berada antara nilai 2.01 sehingga 4.71.

Jadual 5 Peratusan, Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi (n=260)

Perkataan	Tidak Pernah Lihat	Pernah Lihat & Tidak Tahu Makna	Pernah Lihat & Teka Maknanya	Tahu dan Maknanya	Boleh Gunakan dalam Ayat	Min	SP	Interpretasi
طائرة	1.9% 5	1.5% 4	3.1% 8	11.9% 31	81.5% 212	4.70	0.77	Tinggi
وصل	1.2% 3	1.2% 3	5.4% 14	18.5% 48	73.8% 192	4.63	0.74	Tinggi

هناك	0.8%	3.8%	10.4%	19.6%	65.4%	4.45	0.88	Tinggi
	2	10	27	51	170			
شهد	0.8%	4.2%	8.8%	23.1%	63.1%	4.45	0.88	Tinggi
	2	11	23	60	164			
أمس	1.9%	5%	8.5%	17.7%	66.9%	4.43	0.88	Tinggi
	5	13	22	46	174			
لقب	1.9%	6.2%	9.2%	19.6%	63.1%	4.36	1.01	Tinggi
	5	16	24	51	164			
جريدة	0.8%	9.6%	11.9%	11.2%	66.5%	4.33	1.07	Tinggi
	2	25	31	29	173			
جانب	1.2%	6.2%	17.7%	22.3%	52.7%	4.19	1.01	Tinggi
	3	16	46	58	137			
مستقبل	0.8%	6.9%	15.4%	26.9%	50%	4.18	0.99	Tinggi
	2	18	40	70	130			
دفن	1.5%	8.8%	17.7%	19.2%	52.7%	4.13	1.09	Tinggi
	4	23	46	50	137			
شرق	1.5%	10%	16.9%	22.7%	48.8%	4.07	1.09	Tinggi
	4	26	44	59	127			
نظم	0.8%	9.2%	24.6%	18.8%	46.5%	4.01	1.07	Tinggi
	2	24	64	49	121			
نقل	1.5%	9.6%	25.8%	21.9%	41.2%	3.92	1.09	Sederhana Tinggi
	4	25	67	57	107			
برهان	0.4%	18.1%	18.5%	25%	38.1%	3.82	1.14	Sederhana Tinggi
	1	47	48	65	99			
تعدد	1.5%	6.9%	31.2%	28.5%	31.9%	3.82	1.01	Sederhana Tinggi
	4	18	81	74	83			
انقسام	1.5%	11.5%	25.8%	25.4%	35.8%	3.82	1.09	Sederhana Tinggi
	4	30	67	66	93			
موظف	0.8%	13.8%	28.8%	22.7%	33.8%	3.75	1.09	Sederhana Tinggi
	2	36	75	59	88			
نشر	0.8%	17.7%	25.8%	18.8%	36.9%	3.73	1.12	Sederhana Tinggi
	2	46	67	49	96			
واصل	2.7%	14.2%	33.1%	26.9%	23.1%	3.53	1.08	Sederhana Tinggi
	7	37	86	70	60			
مباراة	4.2%	28.1%	30.4%	16.2%	21.2%	3.22	1.19	Sederhana Tinggi
	11	73	79	42	55			
بذل	6.9%	26.9%	30%	18.8%	17.3%	3.13	1.19	Sederhana Tinggi
	18	70	78	49	45			
شباب	11.2%	31.5%	24.6%	12.3%	20.4%	2.99	1.31	Sederhana Rendah
	29	82	64	32	53			
احتوى	6.9%	38.5%	23.1%	14.6%	16.9%	2.96	1.22	Sederhana Rendah
	18	100	60	38	44			
إهمال	11.2%	28.8%	29.2%	14.2%	16.5%	2.96	1.24	Sederhana Rendah
	29	75	76	37	43			
اعتذر	8.8%	31.9%	35.4%	11.9%	11.9%	2.86	1.12	Sederhana Rendah
	23	83	92	31	31			
استورد	14.6%	30.8%	30%	14.2%	10.4%	2.75	1.18	Sederhana Rendah
	38	80	78	37	27			
فور	12.7%	35.8%	28.5%	10.4%	12.7%	2.75	1.19	Sederhana Rendah
	33	93	74	27	33			
ميزة	10.8%	33.1%	33.8%	15.8%	6.5%	2.74	1.06	Sederhana Rendah
	28	86	88	41	17			
متحف	16.2%	34.6%	28.1%	9.6%	11.5%	2.66	1.20	Sederhana Rendah
	42	90	73	25	30			
منصب	6.5%	43.5%	36.2%	8.8%	5%	2.62	0.92	Sederhana Rendah
	17	113	94	23	13			
حرج	15%	39.2%	26.5%	9.6%	9.6%	2.60	1.15	Sederhana Rendah
	39	102	69	25	25			
نادر	8.1%	46.5%	28.1%	13.1%	4.2%	2.59	0.96	Sederhana Rendah
	21	121	73	34	11			
مسافة	15.8%	42.3%	24.6%	10%	7.3%	2.51	1.10	Sederhana Rendah
	41	110	64	26	19			

تعميم	16.5%	35.8%	33.5%	9.6%	4.6%	2.50	1.03	Sederhana Rendah
نزهة	17.7%	43.8%	25%	9.6%	3.8%	2.38	1.01	Sederhana Rendah
قلعة	23.1%	38.8%	23.8%	6.9%	7.3%	2.37	1.13	Sederhana Rendah
كهرباء	25.4%	36.9%	23.1%	6.5%	8.1%	2.35	1.16	Sederhana Rendah
جسر	21.2%	40.4%	27.3%	5.4%	5.8%	2.34	1.05	Sederhana Rendah
قفز	23.5%	43.8%	23.5%	4.2%	5%	2.23	1.02	Sederhana Rendah
مكافحة	30%	46.2%	18.5%	3.1%	2.3%	2.02	0.91	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan = 3.35, SP = 0.28								

Bagi menilai kolerasi antara kedua-dua pemboleh ubah, ujian korelasi Pearson digunakan. Kekuatan nilai pekali kolerasi dianggarkan dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Healey, Earl & Frued (1997) iaitu bawah .10 (lemah), .10 - .30 (sederhana) dan .30 ke atas (kuat). Jadual 6 menunjukkan nilai korelasi $r = .406$ dengan nilai $p < .001$. Nilai positif r menunjukkan terdapat hubungan positif antara keseluruhan penggunaan SPK dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab.

Jadual 6 Korelasi Antara Keseluruhan Penggunaan SPK dengan Penguasaan Aspek Pengetahuan kosa kata Arab

Hubungan antara Pembolehubah	R	r^2	P
Keseluruhan SPK – Pengetahuan kosa kata	.406	.165	.000

Nilai pekali korelasi .406 menunjukkan tahap korelasi antara dua pemboleh ubah secara keseluruhan adalah kuat. Variasi $r^2 = .165$ pula menunjukkan bahawa 16.5% daripada penggunaan SPK secara keseluruhan adalah disebabkan penguasaan pengetahuan kosa kata Arab mereka. Manakala sebanyak 83.5% berkemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor lain yang menyumbang kepada perubahan dalam pemboleh ubah bersandar. Keputusan ini menunjukkan pengetahuan kosa kata Arab mempunyai hubungan yang baik dengan tahap penggunaan SPK dengan nilai $r = .406$.

Jadual 7 menunjukkan nilai korelasi setiap kategori SPK dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab. Dapatan melaporkan terdapat perkaitan yang tinggi dengan nilai $r = .406$ dan nilai $p < .05$. Magnitud pekali kolerasi yang positif menunjukkan nilai pengetahuan kosa kata yang tinggi akan menyebabkan peningkatan nilai kategori SPK.

Jadual 7 Kolerasi Penggunaan Kategori SPK dengan Pengetahuan Kosa Kata Arab

SPK	R	r^2	P
Strategi Bukan Kamus	.310	.096	.000
Strategi Kamus	.341	.116	.000
Strategi Mengambil Nota	.255	.065	.000
Strategi Hafalan	.364	.132	.000
Strategi Praktis	.244	.060	.000
Strategi Meta Kognitif	.371	.138	.000
Strategi Mengembangkan Pengetahuan kosa kata	.297	.088	.000
Keseluruhan	.406	.165	.000

Sig. pada aras .05

Kesimpulannya, dapatan menunjukkan terdapat empat strategi mempunyai nilai korelasi yang tinggi iaitu strategi meta kognitif ($r = .371$), strategi hafalan ($r = .364$), strategi kamus ($r = .341$) dan strategi bukan kamus ($r = .310$). Manakala tiga strategi berikutnya mempunyai nilai pekali korelasi yang sederhana iaitu strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata ($r = .297$), strategi mengambil nota ($r = .255$) dan strategi praktis ($r = .244$).

5.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan tahap penggunaan SPK dalam kalangan pelajar berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi dengan min keseluruhan item SPK ialah 3.13 dan sisihan

piawai 0.17, tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab adalah sederhana tinggi dengan min keseluruhan 40 item pengetahuan kosa kata ialah 3.35 dan sisihan piawai 0.28 serta terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan SPK dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab dengan nilai pekali korelasi .406.

Nilai korelasi yang kuat menunjukkan penggunaan SPK yang tinggi menyebabkan skor yang tinggi dalam aspek pengetahuan kosa kata Arab. Kajian ini menyamai kajian - kajian lepas seperti Nassaji (2004); Qian (2002) dan Teng (2014b) bahawa penggunaan SPK akan mempengaruhi kedalaman pengetahuan kosa kata. Netami et al., (2011) pula mendapati bahawa penggunaan SPK mempunyai hubung kait yang kuat dengan pengetahuan kosa kata namun kajian beliau hanya melibatkan pelajar yang cemerlang. Dapatan Feng Teng (2015) juga mendapati bahawa pengetahuan kosa kata akan meningkat apabila menggunakan SPK yang tepat.

Perbincangan seterusnya berkaitan hubungan kesemua kategori utama SPK dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan ($p = .000$) antara kesemua strategi utama SPK dengan penguasaan pengetahuan kosa kata Arab. Nilai korelasi setiap SPK ialah .310 (strategi bukan kamus), .341 (strategi kamus), .255 (strategi mengambil nota), .364 (strategi hafalan), .244 (strategi praktis), .371 (strategi meta kognitif) dan .297 (strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata). Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan SPK yang tinggi menyebabkan peningkatan terhadap tahap pengetahuan kosa kata.

Dapatan menunjukkan strategi yang paling kerap digunakan bagi meningkatkan pengetahuan kosa kata Arab ialah strategi meta kognitif dan strategi hafalan. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Nguyen & Gu (2013) bahawa strategi meta kognitif didapati mampu membantu pelajar menggunakan perkataan Inggeris dengan tepat. Kajian Feng Teng (2015) juga mendapati bahawa pelajar Cina yang mempelajari bahasa Inggeris lebih cenderung menggunakan strategi hafalan bagi meningkatkan pengetahuan kosa kata mereka. Hal demikian disebabkan konteks pembelajaran Cina memfokuskan strategi hafalan untuk proses pembelajaran dan pengukuhan kosa kata. Walau bagaimanapun, dapatan Lawson dan Hogben (1996) berbeza dengan dapatan kajian ini apabila hanya segelintir pelajar sahaja yang menggunakan strategi hafalan. Situasi tersebut disebabkan konteks pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Itali berbeza dengan konteks pembelajaran pelajar Asia.

Penggunaan SPK yang pelbagai dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan pengetahuan kosa kata Arab berkemungkinan disebabkan oleh faktor pencapaian mereka dalam bahasa Arab. Pelajar yang cemerlang didapati menggunakan strategi yang pelbagai untuk pembelajaran kosa kata mereka. Manakala pelajar yang lemah hanya memfokuskan kepada strategi pembelajaran yang melibatkan proses mengingat perkataan. Kajian yang dijalankan oleh Teng (2014b) & Qian (2002) mendapati pelajar yang menguasai aspek pengetahuan kosa kata akan lebih cenderung menggunakan strategi yang pelbagai seperti strategi sosial dan strategi meta kognitif. Pendapat ini juga turut diakui dalam kajian Gu & Johnson (1996); Barcroft (2009); Gu (2010) bahawa penggunaan strategi sosial dan meta kognitif banyak menyumbang kepada peningkatan pengetahuan kosa kata pelajar.

6.0 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian berkaitan penggunaan SPK dan hubungannya dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab memberi implikasi yang mendalam khususnya dalam bidang pedagogi. Dapatan kajian mendapati strategi yang paling kerap digunakan bagi mengetahui sesuatu perkataan ialah strategi meta kognitif dan strategi hafalan. Kemudian diikuti strategi kamus dan strategi bukan kamus. Manakala strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata, strategi mengambil nota dan strategi praktis merupakan strategi yang paling kurang digunakan.

Berdasarkan dapatan kajian, para guru perlu menggalakkan pelajar untuk menggunakan SPK dengan lebih kerap. Kajian ini mendapati penggunaan strategi meta kognitif dan strategi hafalan memberi pengaruh yang besar terhadap kedalaman kata bahasa Arab. Selain itu, kepentingan penggunaan strategi mengambil nota dan strategi praktis yang kurang digunakan oleh pelajar perlu didedahkan kerana berkemungkinan mampu membantu mereka dalam meningkatkan pengetahuan kosa kata Arab.

Walaupun strategi hafalan merupakan strategi pilihan pelajar, namun mereka tidak harus didedahkan dengan strategi yang bersifat tradisional seperti menghafal dan menulis perkataan berulang kali. Teknik-teknik terkini yang lebih sistematik perlu didedahkan dengan lebih meluas. Strategi yang memaksimumkan aktiviti pemprosesan maklumat seperti mencipta hubungan mental, menggunakan imej, bunyi, dan tindakan perlu dikembangkan. Melalui cara ini, proses mental dalam pembelajaran Arab akan bertambah baik. Strategi meta kognitif yang melibatkan latihan, menerima dan menghantar mesej,

menganalisis dan menaakul, dan mencipta struktur untuk input dan output juga perlu diberi pendedahan kepada pelajar bahasa. Kesemua ini boleh dilakukan dengan mengadakan bengkel kesedaran SPK dan teknik mempelajari bahasa Arab dengan berkesan. Hal demikian bagi melahirkan pelajar yang bertanggungjawab terhadap pembelajaran kosa kata mereka sendiri (Nation, 2008).

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, korelasi penggunaan SPK dengan tahap penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab adalah signifikan. Magnitud pekali korelasi yang positif secara keseluruhan dan mengikut kategori SPK menunjukkan tahap penggunaan SPK mempunyai hubungan yang positif dengan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata Arab.

8.0 RUJUKAN

- al-Suwairekh, Saleh. 2001. Vocabulary Learning Strategies Used by AFL (Arabic as a Foreign Language) Learners in Saudi Arabia. Tesis PhD, Universiti of Leeds, United Kingdom.
- Abdul Rahman Chik. 1994. Ma'Éyir al-TaÁakkum fÉ al-AlfÉD fÉ Ta'lim al-Arabiyyah li al-Mujtama'at al-Islamiyyah Fi JanÉb Sharq AsiyyÉ. Tesis Doktor Falsafah, Mesir: Universiti Iskandariyyah.
- Arsal, Ibrahim. 1995. al-TaÁawwur al-Dilali fi al-Kalimat al-'Arabiyyah al-Muqtaradat fi al-Lughat al-Malayuwiyyah: DirÉsat fÉ QÉmÉs Diwan. Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ashinida, A. 2012. Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 645-666
- Barcroft, J. 2009. Strategies and Performance in Intentional L2 Vocabulary Learning. *Language Awareness*, 18 (1), 74-89.
- Che Radiah Mezah. 2009. *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Cohen, A. D. 1990. *Language Learning: Insight for Learners, Teachers and Researchers*. New York: Newbury House/Harper Row.
- Ellis, R. 1990. *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fan, M. 2003. Frequency of Use, Perceived Usefulness, and Actual Usefulness of Second Language Vocabulary Strategies: A study of Hong Kong Learners. *The Modern Language Journal*, 83(2), 222–241.
- Feng Teng. 2015. Assessing the Relationship between Vocabulary Learning Strategy Use and Vocabulary Knowledge. *PASAA Volume*. 49 January - June 2015. Nanning University.
- Gu, P. 2005. *Learning Strategies: Prototypical Core and Dimensions of Variation*. Retrieved from http://www.crie.org.nz/research_paper/Peter_GU.pdf
- Gu, Y., & Johnson, R. 1996. Vocabulary Learning Strategies and Language Learning Outcomes. *Language Learning*, 46, 643-679.
- Gu, Y.Q. 2010. Learning Strategies for Vocabulary Development. *Reflections on English Language Teaching*, 9(2), 105-118.
- Haastrup, K., & Henriksen, B. 2000. Vocabulary Acquisition: Acquiring Depth of Knowledge through Network Building. *International Journal of Linguistics*. 10 (2), 221-240.
- Harring, J. R., & Montecillo, C. 2012. The Role of Vocabulary Depth in Predicting Reading Comprehension Among English Monolingual and Spanish—English Bilingual Children in Elementary School. *Read Writ*, 25, 1635-1664.
- Harun Baharudin. 2014. Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Tesis PhD, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Healey, J. F., Earl, B., & Frued, H. 1997. *Explaining Social Issues*. London: Pine Forge Press.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2010. Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Kuala Lumpur: Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Kieffer, M. J., & Montecillo, N. K. 2012. Knowledge of Words , Knowledge about Words : Dimensions of Vocabulary in First and Second Language Learners in Sixth Grade. *Read Writ*, Vol., 347-373.
- Lai, Ying-Chun. 2005. Language Learning Strategy Use and Language Proficiency for English as a Foreign Language (EFL) Learners in Taiwan. Disertasi Ph.D. University of Southern California.
- Lan, R.L. 2005. Language Learning Strategies Profiles of EFL Elementary School Students in Taiwan. Disertasi Ph.D. University of Maryland.

- Lawson, M. J., & Hogben, D. 1996. The Vocabulary Learning Strategies of Foreign-Language Students. *Language Learning*, 46(1), 101–135.
- Lowe, C. 2009. A Correlational Study of The Relationship Between Learner Autonomy and Academic Performance. Unpublished Doctoral Dissertation. George Washington University, America.
- Meara, PM. 1996. The Dimensions of Lexical Competence. In: G Brown, K Malmkjaer and J Williams (Eds.) *Competence and Performance in Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Macaro, E. 2005. Fourteen Features of a Language Learner Strategy. Retrieved from http://www.crie.org.nz/research_paper?Ernesto_Macaro_WPS.pdf
- Mizumoto, A., & Takeuchi, O. 2009. Examining the Effectiveness of Explicit Instruction of Vocabulary Learning Strategies with Japanese EFL University Students. *Language Teaching Research*, 13, 425–449.
- Nassaji, H. 2004. The Relationship Between Depth of Vocabulary Knowledge and L2 Learners' Lexical Inferencing Strategy Use and Success. *Canadian Modern Language Review*, 61,107-134.
- Nation, I. S. P. 2001. *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge: University of Cambridge.
- Nation, I.S.P. 2008. *Teaching Vocabulary: Strategies and Techniques*. Boston, MA: Heinle.
- Netami, M., Kaivanpanah, S., & Etemadi, Y. 2011. The Relationship Between the Frequency of Vocabulary Strategy Use and Breadth and Depth of Vocabulary Knowledge of Iranian Language Learners. *Hong Kong Journal of Applied Linguistics*, 13(1), 41-58.
- Nguyen, T.C.L., & Gu, Y.Q. 2013. Strategy-Based Instruction: A Learner-Focused Approach to Developing Learner Autonomy. *Language Teaching Research*, 17(1), 9-30.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill
- Nurweni, A., & Read, J. 1999. The English Vocabulary Knowledge of Indonesian University Students. *English for Specific Purposes*, 18, 161-175.
- O' Malley, M., & Chamot, A. 1990. *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ordóñez, C.L., Carlo, M.S., Snow, C.E., & McLaughlin, B. 2002. Depth and Breadth of Vocabulary Knowledge in Two Languages: Which Vocabulary Skills Transfer? *Journal of Educational Psychology*, 94, 719-728.
- Qian, D. 2002. Investigating the Relationship Between Vocabulary Knowledge and Academic Reading Performance: An Assessment Perspective. *Language Learning*, 52(3), 513-536.
- Qian, D., & Schedl, M. 2004. Evaluation of an In-Depth Vocabulary Knowledge Measure for Assessing Reading Performance. *Language Testing*, 21, 28-52.
- Read, J. 1993. The Development of a New Measure of L2 Vocabulary Knowledge. *Language Testing*, 10, 355-371.
- Read, J. 1998. Validating a Test to Measure Depth of Vocabulary Knowledge. In A.J. Kunnan (Ed.), *Validation in Language Assessment: Selected Papers from The Seventeenth Language Testing Research Colloquium, Long Beach*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Read, J. 2000. *Assessing Vocabulary*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Richards, J. C. 1976. The Role of Vocabulary Teaching. *TESOL Quarterly*, 10, 77 – 89.
- Schmitt, N. 1997. Vocabulary Learning Strategies. Dlm. *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*, disunting oleh N, Schmitt & M. McCarthy. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schmitt, N. 2000. *Vocabulary in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schmitt, N. 2014. Size and Depth of Vocabulary Knowledge : What the Research Shows. *Language Learning*, 64, 913-951.
- Su, M.H. 2005. A study of EFL Technological and Vocational College Students' Language Learning Strategies and Their Selfperceived English Proficiency. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*, 2(1), 44-56.
- Takač, V. P. 2008. *Vocabulary Learning Strategies and Foreign Language Acquisition*. Clevedon, Buffalo, Toronto: Multilingual Matters LTD.
- Teng, F. 2014b. Assessing the Depth and Breadth of Vocabulary Knowledge With Listening Comprehension. *PASAA*, 48(2), 29- 56.
- Tseng, W.-T., & Schmitt, N. 2008. Toward a Model of Motivated Vocabulary Learning: A Structural Equation Modeling Approach. *Language Learning*, 58(2), 357-400.
- Verhallen, M., & Schoonen, R. 1993. Lexical Knowledge of Monolingual and Bilingual Children. *Applied Linguistics*, 14, 344-363.
- Verhallen, M., & Schoonen, R. 1998. Lexical Knowledge in L1 and L2 of Third and Fifth Graders. *Applied Linguistics*, 14, 452-471.

- Vermeer, A. 2001. Breadth and Depth of Vocabulary in Relation to L1/L2 Acquisition and Frequency of Input. *Applied Psycholinguistics*, 22, 217-234.
- Wesche, M. & Paribakht, T.S. 1996. Assessing Second Language Vocabulary Knowledge: Depth Versus Breadth. *The Canadian Modern Language Review*, 53 (1), 13-40.
- Zahriah Hussin. 2011. Perbandingan Pengajaran dan Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Mengikut Kluster Semantik dan Kluster Bebas. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.